

## BAB 4

### ANALISIS HUKUM TERHADAP PENGAMBILAN MAKANAN SEGERA

#### 4.1. PENDAHULUAN

Kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa sehingga kini, masih belum terdapat karya-karya berkaitan hukum pengambilan makanan segera menurut pandangan Islam yang dihasilkan oleh para fuqaha dan para sarjana secara khusus. Memandangkan hukum pengambilan makanan segera merupakan suatu isu baru dalam bidang fiqh, maka di dalam bab ini penulis akan cuba membuat satu analisis hukum terhadap pengambilan makanan segera menurut perspektif Islam.

Pada dasarnya, Islam secara eksplisit tidak menentukan hukum pengambilan makanan segera. Oleh yang demikian, untuk menganalisis hukum berkaitan dengan pengambilan makanan segera, penulis merujuk kepada sumber-sumber utama seperti al-Quran dan al-Sunnah dan sumber-sumber terbitan atau sokongan yang terdapat dalam Islam. Pada asasnya sumber-sumber hukum dalam Islam boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu hukum yang disepakati oleh jumhur ulama iaitu al-Quran dan al-Sunnah, *al-Ijma'* dan *al-Qiyas*. Manakala sumber yang kedua adalah hukum yang tidak disepakati oleh ulama iaitu *al-'Uruf al-Istishab*, *al-Istihsan*, *al-Masalih al-Mursalah*, *Syar'u Man Qalbana* dan *Madhab al-Sahabi*.<sup>1</sup> Kedua-dua faktor ini dikenal pasti sebagai faktor utama wujudnya perbezaan pendapat dikalangan para fuqaha dalam mengistinbat sesuatu hukum terutamanya dalam bidang fiqh.

---

<sup>1</sup> Abd al-Karim Zaydan (2006), *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Mua'assasah al-Risalah Nashirun, h.148.

## 4.2. SUMBER-SUMBER YANG DI SEPAKATI DARIPADA AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

Al-Quran merupakan sumber hukum yang paling berautoriti dalam perundangan Islam. Maka setiap nas syarak yang sumbernya daripada Allah SWT adalah menjadi kewajipan ke atas setiap individu Muslim untuk mentaati dan mematuhi. Namun begitu, perlulah difahami bahawa pengertian kalimah yang digunakan oleh al-Quran itu tidak semuanya pasti (قطعية الدلالة). Ada kalanya kalimah-kalimah itu didatangkan dengan pengertian yang pasti, dan kadang-kadang ia didatangkan dengan kalimah yang memberikan pengertian yang kurang pasti (ظنية الدلالة),<sup>2</sup> sebagaimana firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا

*“Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka lapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya...”*

Surah an-Nur (24): 4

Dalam ayat di atas perkataan “lapan puluh” dan “selama-lamanya” adalah merupakan kalimah-kalimah yang pasti kerana memberikan pengertian sangat jelas ertinya sehingga tidak boleh diertikan dengan erti yang selainnya daripadanya. Ini berbeza dengan kalimah-kalimah mempunyai pengertian yang kurang pasti seperti perkataan (*Quru*’), ini berdasarkan firman Allah SWT:

---

<sup>2</sup>Mahmood Zuhdi b. Abdul Majid (1988), “*Sejarah Pembinaan Hukum Islam*”, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 49-52.

## وَالْمُطَلَّقاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ

“Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga *Quru'* ”

Surah al-Baqarah(2): 228

Lafaz *Quru'* dalam ayat di atas mempunyai pengertian yang *zanni* atau kurang pasti. Ia dikenali sebagai lafaz “*musytarak*” iaitu lafaz yang mempunyai dua makna iaitu *al-haid* (haid) dan *al-tuhr* (bersih).<sup>3</sup> Melalui keterangan di atas, dapat difahami bahawa tidak semua kalimah yang digunakan oleh al-Quran memberikan hukum secara pasti, ini kerana kalimah yang didatangkan itu memberikan pengertian hukum yang kurang pasti dan memerlukan ijtihad untuk memahaminya. Lantaran itu, dalam kes-kes tertentu terdapat khilaf dikalangan ulama dalam menentukan sesuatu hukum pada pengertian yang *zanni* tetapi tidak pada pengertian yang *qat'i*.<sup>4</sup>

Di dalam al-Quran, terdapat tiga kaedah yang digunakan dalam menerangkan tentang sesuatu hukum iaitu:<sup>5</sup>

- i) Ayat-ayat yang memberikan keterangan secara keseluruhan (*kulli*). Iaitu dengan menyebut beberapa kaedah dan prinsip-prinsip umum yang daripadanya terbitlah hukum-hukum secara khusus dan terperinci. Antaranya seperti mengharuskan yang dilarang, sebagaimana firman Allah SWT:

---

<sup>3</sup>Saadman Man *et al.* (2009) “*Fiqh Ikhtilaf*”, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya., h. 60.

<sup>4</sup>*Ibid.*, h. 50.

<sup>5</sup>*Ibid.*, h. 50-52.

فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ

*“Maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginiya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa.”*

Surah al-Baqarah (2): 173,

- ii) Ayat-ayat yang menerangkan hukum secara umum (*ijmal*). Ia itu menerangkan hukum secara umum yang memerlukan penjelasan dan perincian di antara contohnya ialah firman Allah SWT:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُحِلَّ لَهُمْ قُلْ أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ

*Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): “Apakah (makanan) yang dihalalkan bagi mereka?” Bagi menjawabnya katakanlah: “Dihalalkan bagi kamu (memakan) yang lazat-lazat serta baik-baik...”*

Surah al-Ma'idah (5): 4

وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ

*“...dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik...”*

Surah al-A'raf (7): 157

Nas-nas di atas menerangkan prinsip-prinsip umum hukum halal dalam pengambilan makanan antaranya diharuskan mengambil setiap sesuatu yang baik. Namun ia tidak menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan benda yang baik secara terperinci. Dalam hal ini terdapat ayat-ayat yang lain atau al-Sunnah

bagi menjelaskannya secara terperinci sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Darda' r.a. dari Nabi SAW. Baginda bersabda:<sup>6</sup>

سَيِّدَ الطَّعَامِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ اللَّحْمُ

*“Sebaik-baik makanan penduduk dunia dan penduduk syurga adalah daging.”*

Seterusnya ayat-ayat yang menjelaskan secara umum (*ijmal*) berkenaan hukum haram sesuatu makanan, sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَا تُلْفُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

*“...dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil)...”*

Surah al-Baqarah (2): 195

وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ

*“...dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk...”*

Surah al-A'raf (7): 157

Ayat-ayat di atas menerangkan prinsip-prinsip umum pengharaman sesuatu makanan iaitu setiap makanan yang buruk dan dianggap jijik oleh manusia serta sesuatu yang boleh membawa kepada kemudaratan.

---

<sup>6</sup>Muhammad ‘Abd al-Rahman ibn ‘Abd al-Rahim al-Mubarakfuri (1990), *Tuhfah al-Ahwazi bi Syarah al-Tirmidhi*, Kitab Manaqib, Bab fadl ‘Aisyah r.a., Beirut: Dar Kutub al-Ilmiyyah, jil. 10, h.261.

iii) Menerangkan hukum-hukum secara terperinci (*Tafsili*), sebagaimana yang terdapat pada ayat-ayat mengenai bahagian pusaka, cara melakukan talak, lian, mereka yang diharamkan berkahwin dan begitu juga sesetengah hukum keseksaan yang diistilahkan sebagai “Hudud” seperti hukuman terhadap pezina, pencuri, perompak dan beberapa jenis hukum yang lain, sepertimana firman Allah SWT:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ

*“Dan Kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka.”*

Surah an-Nahl (16): 44

Di dalam al-Quran, Allah SWT telah menetapkan 10 perkara yang haram dimakan oleh manusia. Perkara ini telah dijelaskan oleh Allah SWT melalui firmanNya:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ  
وَالْمَوْفُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ  
وَأَنْ تَسْتَفْسِمُوا بِالْأَرْزَامِ

*Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu menengok nasib dengan undi batang-batang anak panah...<sup>7</sup>*

Surah al-Ma'idah (5): 3

<sup>7</sup>Lihat juga Surah al-Baqarah (2): 172-173, Surah al-Nahl (16): 115 dan Surah al-An'am (6): 145.

Melalui ayat di atas terdapat tiga kriteria utama yang menyebabkan sesuatu makanan yang sumbernya berasal daripada haiwan yang halal dimakan menjadi haram pada syarak iaitu: Pertama bangkai yang bermaksud binatang yang tidak disembelih. Kedua adalah najis ia itu darah yang mengalir dan daging babi serta setiap sesuatu yang terhasil daripadanya. Manakala kriteria yang ketiga adalah cara mematikan haiwan yang hendak dimakan melalui penyembelihan yang dilakukan kerana yang lain dari Allah dan yang disembelih atas nama berhala. Ini termasuklah haiwan yang mati kerana tercekik, mati dipukul dan yang mati dimakan oleh binatang buas kecuali yang sempat disembelih sebelum habis nyawanya.

Manakala sumber kedua selepas al-Quran adalah al-Sunnah. Al-Sunnah dalam pengertian biasa bermaksud suatu kebiasaan atau tradisi bagi seseorang, kelompok masyarakat sama ada kebiasaan itu merupakan kebiasaan yang baik atau tidak baik. Firman Allah SWT:

سُنَّةٌ مِّنْ قَدْ أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ مِنْ رُّسُلِنَا وَلَا تَجِدُ لِسُنَّتِنَا تَحْوِيلًا

*“(Demikianlah) peraturan (Kami yang tetap mengenai) orang-orang yang telah Kami utuskan sebelummu dari Rasul-rasul Kami; dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan bagi peraturan Kami yang tetap itu.”<sup>8</sup>*

Surah al-Isra' (17):77

Al-Jawahir dalam kitabnya “*al-Sihah*” mendefinisikan al-hadis sebagai Triqah atau al-Sirah. Manakala al-Sunnah menurut istilah syarak ialah “Sesuatu yang terbit dari Rasulullah SAW selain dari al-Quran, sama ada perkataan, perbuatan ataupun

---

<sup>8</sup> Lihat juga Surah al-Ahzab (33): 62, Surah al-Fath (48): 23 dan Surah al-Anfal (8): 38.

perakuan”<sup>9</sup> Ia berperanan sebagai pentafsir yang praktis bagi al-Quran bagi nas-nas yang tidak dijelaskan oleh al-Quran. Dalam konteks perundangan Islam al-Sunnah berperanan sebagai pengukuh kepada hukum-hukum yang telah dijelaskan dalam al-Quran. Juhur ulama telah bersepakat menerima al-Sunnah sebagai sumber hukum kedua syariat dan perundangan Islam selepas al-Quran.

Dalam konteks penyembelihan misalnya al-Quran telah mendatangkan nas-nas yang berkaitan dengan hukum penyembelihan. Akan tetapi tidak kesemuanya di terangkan secara terperinci, maka datanglah al-sunnah untuk menerangkan kaedah-kaedah serta perlaksanaannya. Contohnya dalam bab penyembelihan haiwan, hadis telah menerangkan bahawa alat penyembelihan mestilah tajam agar dapat mengalirkan darah dengan deras dan cepat memutuskan urat tenggorok. Ini seiring dengan sabda Rasulullah SAW:

مَا أَنَّهُرَ الدَّمَ وَذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ فَكُلْ

*“Makanlah haiwan yang disembelih dengan pisau yang dapat mengalirkan darah dengan deras dan disebutkan nama Allah ke atasnya.”*<sup>10</sup>

Seterusnya al-Sunnah turut menjelaskan kriteria atau ciri-ciri binatang yang halal atau haram dimakan yang tidak dijelaskan oleh al-Quran al-Sunnah, sepertimana sabda Rasulullah SAW:

يَذْبَحُهَا فَيَأْكُلُهَا وَلَا يَقْطَعُ رَأْسَهَا يَرْمِي بِهَا

<sup>9</sup> Muhammad Abu Zahrah (1958), *Usul al-Fiqh*, Qaherah: Dar al-Fikr, h.160-163.

<sup>10</sup> Al-Bukhari (2001), *Sahih al-Bukhari*, kitab al-Syirkah, Bab Qismah al-Ghanam, no. hadis: 2488, Mesir : Dar al-Qahirah, h. 204., al-Muslim (2001), *Sahih Muslim*, Kitab al-Adhahi, Bab jawaz al-Zabhi bi kulli ma nazara al-dammi illa al-sinni wa al-zufuri wa sair al-‘izam, no. hadis: 1968, Qaherah: Muassasah al-Mukhtar, h. 848, Abu Dawud (1994), *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Dahaya, Bab fi Zabihah bi al-marwah, no. hadis: 2821, Beirut: Dar al-Fikr, h. 233.



*“Hendaklah disembelih lalu dimasak dan kemudian dimakan dan janganlah bahagian kepalanya dibuang.”<sup>11</sup>*

Hadis di atas memberikan penjelasan tentang keharusan memakan daging pelbagai jenis burung secara umum. Seterusnya terdapat hadis yang menerangkan ciri-ciri haiwan yang diharamkan sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis berikut:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ كُلِّ ذِي نَابٍ مِنَ السَّبَاعِ وَكُلِّ ذِي  
مِخْلَبٍ مِنَ الطَّيْرِ

*“Rasulullah SAW melarang daripada memakan setiap binatang buas yang bertaring dan burung yang memiliki cakar.”<sup>12</sup>*

Manakala hadis di atas menerangkan tentang pengharaman memakan binatang buas seperti singa, harimau, serigala, anjing dan setiap burung yang memiliki mencakar seperti burung hantu, helang dan gagak.

Melalui keterangan di atas, ketentuan hukum memakan daging yang sumbernya daripada haiwan dapat diketahui melalui al-Quran seperti diharamkan memakan bangkai, binatang yang tidak disembelih atau daging haiwan yang disembelih bukan kerana Allah SWT. Manakala al-Sunnah menerangkan ciri-ciri haiwan yang tidak boleh dimakan dagingnya iaitu setiap haiwan yang sifatnya ganas dan membunuh seperti harimau, singa dan serigala. Haiwan yang memakan benda-benda kotor seperti bangkai,

---

<sup>11</sup>Ahmad bin Hanbal (1995), *al-Musnad Li al-Imam Ahmad Ibn Hanbal*, jil.1. h. 315, an-Nasa'i dalam kitab al-Kubra: 4860, dalam kitan as-Shughra: 4349 dan al-Hakim: 7574.

<sup>12</sup>Al-Bukhari (2001), *op.cit.*, kitab al-Zabaih, Bab akl kulli Zi Na Bi Min al-Siba', no. hadis: 5530, h. 759. Al-Muslim (2001), *op.cit.*, Kitab al-Saiyd wa al-Zabaih, Bab Tahrim akl kul Zi Wa Kulli Zi Makhtabi min al-Tairi, no. hadis:1932, h. 834. Abu Dawud (1994), *op.cit.*, Kitab al-At'imah, Bab Ma Ja Fi Akl al-Siba', no. hadis: 3803, h. 684. al-Tirmidhi (t.t) *Sunan al-Tarmidhi*, Kitab al-At'imah, Bab Ma Ja' Fi Karahiyyah akl al-Masburah, no. hadis: 1474, Beirut: Dar al-Fikr, h. 349.

umpamanya gagak, burung hantu dan biawak. Haiwan yang disuruh oleh syarak membunuhnya seperti ular, kala, lipan, dan tukus. Haiwan yang ditegah oleh syarak membunuhnya seperti semut dan labah-labah dan haiwan yang boleh hidup dalam dua alam.<sup>13</sup> Bagi binatang yang samar-samar keadaanya seperti zirafah<sup>14</sup> atau haiwan tidak diberikan penjelasan oleh hukum agama adalah termasuk dalam kategori binatang yang halal di makan, berdasarkan firman Allah SAW:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا

*“Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi..”.*

al-Baqarah (2): 29

Hal ini juga dapat di fahami melalui hadis Rasulullah SAW:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ فَرَضَ فَرَائِضَ فَلَا تُضَيِّعُوهَا وَحَرَّمَ حُرْمَاتٍ فَلَا تَنْتَهِكُوهَا وَحَدَّ حُدُودًا فَلَا تَعْتَدُوهَا وَسَكَتَ عَنْ أَشْيَاءٍ مِنْ غَيْرِ نِسْيَانٍ فَلَا تَبْحَثُوا عَنْهَا

*“Sesungguhnya Allah SWT tidak memberi keputusan hukum terhadap bebebrapa perkara adalah sebagai rahmat ke atas kamu bukan kerana lupa. Oleh itu, janganlah kamu mencari-cari masalah terhadapnya.”<sup>15</sup>*

Melalui perbincangan di atas, didapati bahawa KFC telah menepati dan mematuhi segala ketentuan hukum yang disepakati dalam Islam bagi menentukan status

<sup>13</sup>H.W.M. Saghir Abdullah (1990), *Fatawa tentang binatang hidup dua alam* Syeikh Ahmad al-Fatani, Selangor: Penerbit Hizbi, h. 3.

<sup>14</sup>Menurut al-Subki halal dimakan, kerana asalnya adalah harus disebabkan ia tidak memiliki taring yang tajam serta tiada indikasi keharamannya. Sebahagian besar ulama Syafi'i tidak menyebut tentang status halal haram tetapi terdapat juga ulama yang mengatakan haram. Lihat al-Suyuti (t.t), *op.cit.*, h. 133.

<sup>15</sup>Ali bin Umar Dar al-Qutni (2003), *Sunan Dar al-Qutni*, Beirut: Muassasah al-Risalah, jil. 4, no. hadis: 104, h. 298.

halal haram sumber dan produk keluaran mereka. Hal ini sejajar dengan polisi halal yang mereka wujudkan.

### **4.3. SUMBER-SUMBER YANG TIDAK DISEPAKATI**

Antara sumber hukum yang tidak disepakati oleh ulama dalam penggunaannya dalam mengistinbat sesuatu hukum ialah *Qawa'id Fiqhiyyah*. Ia merupakan prinsip-prinsip umum dalam fiqh yang merangkumi hukum-hukum syarak yang umum, seiring dengan masalah-masalah yang telah berlaku mahupun terhadap masalah-masalah yang baru muncul. Kaedah ini dapat membantu para mujtahid untuk mengetahui hukum-hukum secara terperinci dan menjelaskan *tasawwur* dan pemikiran undang-undang dalam fiqh.<sup>16</sup> Dalam kajian ini penulis merujuk kepada beberapa kaedah yang berkaitan antaranya ialah seperti di bawah ini.

#### **4.3.1. Berdasarkan Kepada Kepentingan *Maslahah***

Para mujtahid termasuk para sahabat, sering menjadikan masalah mursalah sebagai sumber hukum bagi sesuatu masalah yang tidak terdapat hukumnya<sup>17</sup> dan tidak terdapat dalil-dalil tertentu tentang pembatalannya. Terdapat sebahagian ulama yang menamakan dalil ini sebagai *istislah*,<sup>18</sup> yang bermaksud beramal dengan masalah. Jumhur ulama bersepakat menerima kaedah ini sebagai sumber hukum. Maka setiap persoalan yang tidak ada nas ijmak, Qiyas dan Istihsan tetapi terdapat padanya masalah dan kebaikan

---

<sup>16</sup> Abdul Karim Zaydan, (1969), "*al-Madkhal li Dirasah al-Syar'iah Islamiyyah*", Baghdad: Matba'ah al-'Aini., h. 90. Lihat 'Abd al Karim Zaydan (2006), *op.cit.*, h. 148, Mustafa Ahmad al-Zarqa'(1968), "*al-Madkhal al-Fiqhiy al-'Am*", jil. 3, Damsyik: Matabi' Alif Ba', h. 947.

<sup>17</sup> Mat Saad Abd.Rahman (t.t.) *Istinbat: Asas dan Metodologi*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam (IKIM), h. 41.

<sup>18</sup> Manna'al-Qattan (1985), *al-Tasyri' wa al-Fiqh al-Islami Tarikhan wa Manhajan*, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 302-303.

kepada manusia,<sup>19</sup> dalam hal ini harus bagi mujtahid berijtihad untuk mendapatkan hukum bagi memastikan tujuan dan matlamat masalah tercapai. Dalam hal ini imam al-Syatibi ada mengatakan “*sesungguhnya syariat itu diasaskan untuk membawa kemaslahatan kepada manusia*”<sup>20</sup>

Masalih al-Mursalah adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta yang dikenali sebagai *maqasid Syari'ah*. Dalam hal ini, bagi Imam al-Ghazali setiap sesuatu yang bertujuan untuk memelihara asas yang lima adalah *masalahah* dan setiap yang meninggalkan asas-asas itu adalah *mafsadah* dan menolaknya adalah *masalahah*. Beliau lebih memfokuskan *maqasid* iaitu menarik atau mengambil *masalahah*. dan menolak *mafsadah*.<sup>21</sup> Seterusnya untuk menjaga kepentingan Maqasid Syariyyah, antara kaedah *maqasid* ialah:<sup>22</sup>

- i) Setiap yang perkara yang memberi jaminan kepada “*al-daruriyyat al-Khams*” yang lima iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta adalah *masalahah*
- ii) Apabila bertembung dua keburukan atau dua kemudaratan dari sudut syarak, menolak kemudaratan yang lebih dan keburukan yang lebih besar adalah diutamakan.
- iii) Setiap yang bertentangan dengan maksud syarak adalah haram.

---

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> Ali Ahmad al-Nadwi (1994), *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Damsyik: Dar al-Qalam, h.153.

<sup>21</sup> Paizah bt. Ismail dan Ridzwan bin Ahmad (2000), *Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h.168.

<sup>22</sup> *Ibid.*, h.172.

Bagi mencapai matalamat kepentingan masalah, antara kaedah yang harus di beri perhatian ialah *Sadd al-Dhar'i*<sup>23</sup> iaitu wasilah ataupun jalan kepada sesuatu sama ada ianya suatu kerosakan atau kemanfaatan yang melibatkan perkataan atau perbuatan.<sup>24</sup> Adapun amalan atau perbuatan yang boleh membawa kepada berlakunya kerosakan itu terbahagi kepada dua. Pertama amalan yang disepakati oleh para fuqaha tentang keharamannya seperti berjudi, bertenung nasib, berzina dan sebagainya. Kedua ialah amalan yang pada asalnya mubah, akan tetapi boleh membawa kepada kemudaratan sekiranya dilakukan dan amalan ini dapat dilihat melalui tiga dimensi yang berbeza iaitu:<sup>25</sup>

- i) Perbuatan yang membawa kepada kerosakan akan tetapi peratusnya kecil jika dibandingkan dengan kemanfaatannya. Dalam situasi begini, kemaslahatan amalan tersebut akan lebih diutamakan, seperti keharusan melihat bakal tunang.
- ii) Perbuatan yang pada kebiasaannya boleh membawa banyak kerosakan dan aspek kerosakan kelihatan lebih jelas daripada kemaslahatan, seperti menjual anggur kepada pengusaha arak yang sememangnya memproses anggur untuk dijadikan arak.
- iii) Perbuatan yang boleh membawa kemudaratan dan kemanfaatan dalam kadar yang hampir sama seperti kontrak jual beli secara bertanggung kerana

---

<sup>23</sup>Para ulama telah berselisih pendapat di kalangan mereka mengenai ke hujahan *Saad al-Dhari'ah*. *Mazhab* Maliki dan Hanbali menerima pakai kehujahannya dan dianggap sebagai sebahagian kaedah dalam metodologi hukum ini berasaskan kepada nas al-Quran surah al-An'am (6):108, dan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Bukhari, Muslim dan Abu Dawud daripada 'Abd Allah bin 'Amru, lihat al-Bukhari (2001), *op.cit.*, "Bab La Yasubbu al-Rajul Walidayhi," no. hadis: 5516. Manakala bagi Abu Hanifah dan Syafi'i, mereka hanya menggunakan *Saad al-Dhari'ah* pada kes-kes yang telah dinaskan sahaja, tidak pada urusan kehartaan kerana dalam hal seumpama itu tidak ada tohmah berlakunya niat yang jahat dari manan-manan pihak. Lihat Saadan Man *et al.* (2009), *op.cit.*, h. 86-87.

<sup>24</sup>*Ibid.*, h. 85.

<sup>25</sup>*Ibid.*, h.86.

sesetengah pihak boleh menjadikannya sebagai jalan untuk mengambil keuntungan dengan mengamalkan riba melalui kontrak tersebut.

#### 4.3.2. Berdasarkan Kepada 'Uruf

'Uruf merupakan kebiasaan umum masyarakat Islam yang boleh diertikan sebagai perbuatan atau perkataan atau sesuatu yang ditinggalkan<sup>26</sup> yang tidak bertentangan dengan al-Quran, al-Sunnah atau amalan para sahabat. Penerimaan 'uruf sebagai sumber hukum adalah berdasarkan kepada sabda Rasulullah SAW:

مَا رَأَى الْمُسْلِمُونَ حَسَنًا فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ حَسَنٌ

*“Apa yang dipandang baik oleh kaum Muslimin adalah baik pula menurut Allah SWT.”*

(Riwayat Ahmad dan Ibn Mas‘ud)<sup>27</sup>

Melalui kaedah di atas jika dikaitkan dengan realiti kehidupan masyarakat masa kini, sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa amalan pengambilan makanan segera telah menjadi budaya di kalangan masyarakat Malaysia. Kewujudan restoran makanan segera merupakan alternatif bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan penyediaan dan pengambilan makanan secara formal dalam masyarakat moden. Justeru sebarang usaha untuk mengharamkannya atau untuk menghalang masyarakat daripada mengambil makanan segera adalah suatu usaha tidak sesuai. Lantaran itu, kaedah fiqh

---

<sup>26</sup> Abd al-Karim Zaydan (2006), *op.cit.*, h. 201.

<sup>27</sup> Ahmad bin Hanbal (1995), *op.cit.*, Musnad ‘Abd Allah Bin Mas‘ud, no. hadis: 3418, jil. 7, h. 453.

“Adat dijadikan sebagai rujukan hukum.<sup>28</sup>” (أَلْعَادَةُ مُحْكَمَةٌ) boleh dijadikan sebagai asas dalam menganalisis hukum berkaitan dengan pengambilan makanan segera.

Perlulah difahami bahawa hukum-hukum yang berasaskan kepada ‘*uruf*’ dan adat akan berubah apabila ‘*uruf*’ dan adat itu berubah. Ini sejajar dengan kata-kata para fuqaha “Tidak boleh dinafikan berlaku perubahan hukum dengan sebab perubahan masa.” Imam Ibn ‘Abidin al-Hanafi.<sup>29</sup> Dalam konteks ini hukum pengambilan makanan segera juga boleh berubah mengikut perubahan-perubahan yang berlaku.

Berpandukan kepada kenyataan di atas, perubahan gaya pemakanan masyarakat Malaysia daripada amalan makanan tradisional kepada makanan segera dan apabila dikaitkan dengan KFC, penulis mendapati bahawa kewujudan KFC seiring dengan kepentingan *Maslahah*, *Sadd al-Dhar‘i*, dan ‘*uruf*’ yang merupakan di antara beberapa sumber hukum yang tidak disepakati oleh para fuqaha.

#### **4.4. PANDANGAN ULAMA**

Peranan ulama adalah penting dalam menangani isu-isu semasa yang wujud pada zamannya. Dalam konteks makanan segera misalnya, ianya tidak disebut secara khusus hukum pengambilannya memandangkan makanan segera merupakan satu isu baru dalam fiqh kepenggunaan, maka dalam hal ini peranan ulama kontemporari amatlah diperlukan untuk menentukan status hukum terhadap pengambilan makanan segera.

---

<sup>28</sup> Abd al-Karim Zaydan (2006), *op.cit.*, h. 182.

<sup>29</sup>Mustafa Ahmad al-Zarqa’ (1968), *op.cit.*, jil.1, h. 102.

Melalui sesi temu bual yang dibuat terhadap informan dikalangan para ulama<sup>30</sup> dari pelbagai aliran, penulis mendapati bahawa pada dasarnya mereka telah bersepakat menggunakan kaedah asas iaitu (*asal pada (kebanyakan) perkara adalah harus sehingga ada dalil menunjukkan ianya haram*).<sup>31</sup> ( الْأَصْلُ فِي الْأَشْيَاءِ الْإِبَاحَةُ حَتَّى يَدُلَّ الدَّلِيلُ عَلَى التَّحْرِيمِ ) Di samping itu, mereka juga telah menetapkan beberapa syarat dan kriteria yang harus dipatuhi dalam menentukan hukum pengambilan makanan segera. Antara syarat-syarat dan kriteria yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

#### **4.4.1. Menggunakan Bahan Atau Peralatan Yang Suci Lagi Bersih.**

Menurut ajaran Islam, suci<sup>32</sup> lagi bersih<sup>33</sup> adalah merupakan dua unsur penting dalam menentukan status bahan atau peralatan yang digunakan dalam pemrosesan makanan itu benar-benar suci dan bersih sejajar dengan ajaran Islam. Natiujahnya status halal haram sesuatu makanan atau produk yang dihasilkan dapat dikenalpasti dengan jelas tanpa menimbulkan sebarang keraguan atau prasangka dikalangan pengguna. Ia juga merupakan syarat dalam menentukan sesuatu ibadat yang dilakukan oleh seseorang itu diterima atau ditolak oleh Allah SWT. Perkara ini turut diperjelaskan oleh Nabi Muhammad SAW melalui sabdanya:

---

<sup>30</sup>Ulama yang telah ditemu bual oleh penulis ialah Khalif Muammar A. Haris, Pensyarah dan Penyelidik Jabatan di Jabatan Pemikiran Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, temubual pada 13 Januari 2009. Abdul Ghani Shamsuddin, Ulama dan Pengerusi Sekretariat Himpunan Ulama, Rantau Asia (SHURA), temu bual pada 09 February 2009. Luqman bin Abdullah pensyarah di Jabatan Fiqh dan Usul Akedemi Pengajian Islam (API), Universiti Malaya merangkap Pengetua Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas Kelantan, temu bual pada 11 Mac 2009, Mohd Hapiz bin Mahaiyadin, Pensyarah di Jabatan Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang, jawapan bertulis pada 11 Mac 2009. Johari M. Ag Pensyarah di Fakulti Psikologi UIN-SUSKA Riau, Pekan Baru Indonesia, jawapan bertulis pada 17 Mac 2009. Muhammad bin Ali, Mudir dan Guru Pondok, Berangan, Tumpat, Kelantan, temu bual pada 13 Ogos 2009 dan Abdul Karim Ali, Pensyarah di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, temu bual pada 29 September 2009.

<sup>31</sup>Jalal al-Din Abd Rahman Abi Bakr al-Suyuti (t.t), *al-Ashbah wa al-Nazair fi Qawaid Wa Furu' Fiqh al-Syafi'iyah*, Maktabah al-Taufiqiyyah, h. 133.

<sup>32</sup>Menurut kamus dewan suci dari sudut agama bermaksud agama bersih. Noresah bt. Baharom *et al.* (1970), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1531.

<sup>33</sup>*Ibid.*, h. 172. Menurut Kamus Dewan tidak kotor, bebas dari pencemaran udara dan sebagainya atau tidak mengandungi unsur-unsur yang boleh merosakkan atau mengganggu kesihatan.



ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلُ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ يَا رَبِّ يَا رَبِّ وَمَطْعَمُهُ  
حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغَدِيٌّ بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لِذَلِكَ

*“Kemudian disebut seorang lelaki yang jauh perjalanannya, berkeadaan kusut rambutnya lagi berdebu mukanya, menghulurkan kedua tangan menadah ke langit sambil berdoa: Wahai Tuhanku..! wahai Tuhanku..! padahal makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan setiap kali ia mengenyangkan perut dengan benda-benda yang haram, bagaimana doanya diperkenankan?”*

(Riwayat Muslim)<sup>34</sup>

Islam sangat mementingkan kesucian dan kebersihan dalam setiap aspek kehidupan Muslim. Ia merupakan sebagai salah satu daripada syarat penerimaan amalan sehinggakan doa seseorang tidak di terima oleh Allah SWT sekiranya sumber makanan, pakaian, tempat tinggal dan seterusnya kebersihan rohani dan jasmani seseorang tidak bersih. Ketelitian Islam dalam hal itu telah jelas dinyatakan seperti di atas.

Dalam konteks makanan dan pemakanan suci lagi bersih apabila dikaitkan dengan bahan makanan (bahan mentah) yang sumbernya daripada haiwan maka dalam hal ini syarak telah menetapkan beberapa syarat yang harus dipatuhi antaranya:

- i) Haiwan tersebut hendaklah terdiri daripada haiwan yang telah iktiraf oleh syarak tentang kehalalannya melalui nas-nas syarak seperti al-Quran, al-Sunnah, Ijmak Ulama, Qiyas dan lain-lain sumber hukum yang berautoriti seperti ayam, lembu dan kambing.

---

<sup>34</sup>Al-Muslim, (2001), *op.cit.*, kitab al-Zakat, Bab Qabul al-Sadaqah min al-Kasbi al-Taiyibi wa Tarbiyatiha, no. hadis: 1050, h. 393.

ii) Haiwan tersebut bukan bangkai, iaitu haiwan yang tidak disembelih termasuk dalam kategori ini ialah daging yang dipotong dari haiwan yang masih hidup.<sup>35</sup> Namun dibolehkan memakan daging bangkai dalam keadaan darurat<sup>36</sup>. Akan tetapi ikan dan belalang ini tidak dikategorikan sebagai bangkai.<sup>37</sup> Begitu juga dengan anggota-anggota bangkai seperti tulang, tanduk, kuku, bulu dan kulitnya boleh dimanfaatkan apabila sudah disamak dan tidak haram menggunakannya.<sup>38</sup>

iii) Bukan dikategorikan sebagai najis

Termasuk dalam kategori najis ialah babi dan setiap sesuatu yang terhasil daripadanya serta darah yang mengalir. Manakala darah yang tidak mengalir seperti darah yang terdapat di dalam urat binatang dan di sela-sela tulang, hati dan hempedu tidak dikategorikan sebagai najis dan halal dimakan.<sup>39</sup>

iv) Cara Mematikan Haiwan

Cara mematikan haiwan yang hendak dimakan dagingnya ialah melalui penyembelihan yang diiktiraf oleh syarak iaitu menggunakan alat penyembelihan yang tajam, tidak boleh menggunakan gigi dan kuku,<sup>40</sup> termasuk dalam hukum

---

<sup>35</sup> Abu Dawud (1994), *op.cit.*, Kitab al-Sayd, Bab Fi Sayd Qata'a minhu Qit'ah, no. hadis: 2858, h.663, al-Tirmidhi (t.t), *op.cit.*, Kitab al-Adhahi, bab ma qutia' min al-hayyi fahua mayyit, no. hadis :1480, h. 351

<sup>36</sup> Lihat Surah al-An'am (6):119.

<sup>37</sup> Ibn Majah (1997), *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Zabaih, bab addikhar luhum al-adahi, no. hadis: :3218, h. 90.

<sup>38</sup> Surah al-An'am (6): 145.

<sup>39</sup> Ibn Majah (1997), *op.cit.*, Kitab al-Sayd, bab ma ja' fi al-zakat fi al-khalq wa al-labbati, no. hadis: 3218, h. 14.

<sup>40</sup> Lihat al-Bukhari (2001), *op.cit.*, kitab al-syirkah, bab qismah al-ghanam, no. hadis: 2488, h. 204, Abu Dawud (1994), *op.cit.*, Kitab al-dahaya, Bab Fi zabihah bi al-marwah no. hadis: 2821, h. 655.

gigi dan kuku ialah semua jenis tulang sama ada tulang manusia, binatang atau sebagainya.<sup>41</sup> tidak boleh menyembelih haiwan dengan alat yang tumpul,<sup>42</sup> penyembelihan bukan kerana Allah SWT,<sup>43</sup> tidak boleh dicekik (*al-munkhaniqah*), dipukul dengan kekuatan yang boleh mematikan atau dilempar dengan batu hingga mati (*mauqudzah*), jatuh dari bangunan atau tempat yang tinggi (*mutaraddiyah*), ditanduk (*an-natihah*), atau mati yang disebabkan oleh binatang buas. Menurut al-Quran semua jenis binatang yang tidak diketahui penyembelihannya adalah haram.<sup>44</sup>

v) Bahan Ramuan Tambahan

Selain daripada memastikan semua proses penyembelihan haiwan mengikut kaedah syarak. Kandungan ramuan tambahan pada bahan makanan merupakan aspek penting yang tidak boleh diabaikan. Ini bermaksud setiap bahan makanan (bahan mentah) sama ada sumbernya daripada haiwan seperti ayam,<sup>45</sup> lembu dan kambing, tumbuh-tumbuhan atau melalui pemprosesan makanan yang

---

<sup>41</sup>Mustafa al-Khin *et al.* (2007), *op.cit.*, jil. 1, h. 481.

<sup>42</sup>Al-Muslim (2001), *op.cit.*, Kitab al-Sayd wa al-Zabaih, Bab Fi al-‘amru bi ihsan al-zabhi wa al-qatl wa tahdid al-syufrah, no. hadis: 1955, h. 843. Abu Dawud (1994), *op.cit.*, Kitab al-dahaya, Bab Fi nahy an tasbir al-bahaim wa rafqi bi zabihah, no. hadis: 2815, h. 654.

<sup>43</sup>Lihat Surah al-Baqarah (2):173 dan Surah al-Kausar (108): 2.

<sup>44</sup>Abdul Basith Muhammad al-Sayyid (2006), “*Pola Makan Rasulullah*”, terj. M. Abdul Ghoffar dan H.M.Iqbal Haetami, Lc. Jakarta Timur: Almahira, h. 228.

<sup>45</sup>Menurut Abdul Ghani bin Shamsuddin, Ulama dan Pengerusi Sekretariat Himpunan Ulama Rantau Asia (SHURA), Allah SWT menghalalkan yang baik-baik, akan tetapi sekiranya ayam itu makan benda yang tidak baik (kotor), penyembelihan tidak betul, maka ia dihukumkan haram bukan kerana ayam itu tetapi adalah disebabkan faktor-faktor luaran atau sampingan. Menurut beliau lagi ayam yang disuntik dengan bahan kimia agar cepat besar, selagimana bahan yang digunakan itu halal, dari segi hukum tidak ada masalah. Namun pada asasnya, haiwan atau sesuatu benda yang diperolehi atau dihasilkan secara cara semulajadi itu lebih baik daripada yang segera atau artifisial, temu bual pada 9 Februari 2009, dan pendapat ini turut diutarakan oleh Luqman bin Abdullah, Pensyarah Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam (API) Universiti Malaya merangkap Pengetua Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas Kelantan, temu bual pada 11 Mac 2009.

melibatkan penambahan pada makanan seperti aditif,<sup>46</sup> bahan awet,<sup>47</sup> pewarna,<sup>48</sup> perisa,<sup>49</sup> kondisioner makanan<sup>50</sup> penggunaan agen aktif,<sup>51</sup> keju sebagai bahan makanan<sup>52</sup> dan bioteknologi dalam makanan<sup>53</sup> dan minuman haruslah dari sumber yang suci lagi bersih. Sekiranya berlaku percampuran di antara sumber yang halal dan haram,<sup>54</sup> bahan tersebut tidak boleh dikategorikan sebagai suci lagi bersih dan tidak boleh digunakan kerana mengandungi najis dan dihukum haram seiring dengan kaedah fiqh “*Apabila berhimpun halal dan haram nescaya dimenangkan yang haram.*” (إِذَا اجْتَمَعَ الْحَالِلُ وَالْحَرَامُ غَلَبَ الْحَرَامُ)<sup>55</sup>

Antara contohnya ialah binatang yang lahir hasil dari persenyawaan antara binatang yang halal dan tidak halal dimakan, maka haram memakan daging atau meminum susunya sama ada disebelah jantan atau betina

---

<sup>46</sup>Lihat bab dua dibawah tajuk Undang-undang kawalan makanan h. 152-154. Lihat juga, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (2006), *Halal Haram, Hukum Syariah dan Bahan Kimia Dalam Makanan*, Pulau Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang, bab 6, h.42.

<sup>47</sup>*Ibid.*, h.155.

<sup>48</sup>*Ibid.*, h.155-156.

<sup>49</sup>*Ibid.*, h.156-157.

<sup>50</sup>*Ibid.*, h.157-158.

<sup>51</sup>Menurut Keputusan Fatwa Kebangsaan yang diadakan pada 7-8 Mac 1990, melalui muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa kali ke-26, telah mengharuskan penggunaan agen aktif dalam makanan, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 34.

<sup>52</sup>*Ibid.*, Keputusan Fatwa Kebangsaan yang diadakan pada 3 Oktober 1990, melalui muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa kali ke-27, telah mengharuskan keju sebagai bahan makanan, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 34-35.

<sup>53</sup>Keputusan Fatwa Kebangsaan yang diadakan pada 12 Julai 1999, melalui Muzakarah Khas Jawatan Kuasa Fatwa telah mengharamkan barangan, makanan dan minuman yang diproses melalui kaedah bioteknologi DNA babi adalah bercanggah dengan syarak, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 35-36.

<sup>54</sup>Lihat keputusan Fatwa Kebangsaan yang diadakan pada 12-13 Mei 1981, “Baja daripada tahi babi” melalui muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa kali ke-2, telah memutuskan i) Bahawa baja yang diperbuat daripada tahi babi adalah najis mughallazah, sementara hukum menggunakannya baja adalah harus serta makruh. ii) Makanan ayam yang diproses daripada bahan-bahan yang bercampur dengan najis seperti darah lembu, darah babi dan lain-lain adalah harus atau halal. iii) Gas yang diproses daripada tahi babi dengan menggunakan api hukumnya najis dan yang tidak menggunakan api hukumnya suci. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 41&43.

<sup>55</sup>Al-Suyuti (t.t), *op.cit.*, h. 207.

berdasarkan diutamakan yang haram seperti *baghal*, iaitu kacukan himar dengan kuda. Begitu juga hasil kacukan kambing dengan anjing.<sup>56</sup>

Manakala Suci Lagi Bersih apabila dikaitkan dengan bahan makanan yang bersumberkan tumbuh-tumbuhan adalah bermaksud tumbuhan-tumbuhan tersebut selamat dimakan dan tidak mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan seseorang. Sekiranya tumbuh-tumbuhan tersebut boleh mendatangkan kemudaratan seperti beracun atau memabukkan seperti candu, ganja, getah ipoh maka haram mengambilnya. Begitu juga dengan air yang diperolehi daripada pokok atau tumbuh-tumbuhan seperti air kelapa, air tebu, air halia dan air nira sama ada diminum secara terus atau setelah diproses halal diminum asalkan suci dan tidak memabukkan. Akan tetapi sekiranya ia bercampur dengan benda-benda najis seperti arak, samsu atau berubah menjadi najis maka pengambilannya ditegah oleh syarak.<sup>57</sup> Sabda Rasulullah SAW:

---

<sup>56</sup>*Ibid.*, h. 93, lihat juga Mustafa al-Khin *et al.* (2007), *op.cit.*, jil.1, h. 497, Sayyid Sabiq (2007), *op.cit.*, jil. 3, h. 902. Wahbah al-Zuhayli (2009), *op.cit.*, jil. 3, h. 502, Daud Baharum (2006), *Fatwa Menempuh Kehidupan Modern, Fatwa 150: Barang Haram Tersentuh Barang Halal*. Selangor: Daud Baharum, h. 376., dan *Fatwa 148: Minuman Ringan yang Mengandungi Alkohol: Bolehkah di Minum?*, h. 372-373. Lihat juga Che' Ali bin Ahe' Ismail (1998), *Jurnal Pendidikan Islam Bil.11. "Penggunaan Renet Dalam Proses Membuat Keju"*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 77-79. Fatimah Saad (1998), *Jurnal Pendidikan Islam Bil.11. "Penggunaan Alkohol Dalam Makanan dan Minuman"*, h. 55-58. Lihat Awang Abdul Aziz bin Juned (2000), *Fatwa Mufti Kerajaan 1999 Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri*, h. 153-169. Keputusan Fatwa Kebangsaan yang diadakan pada 12 Julai 1999, "Bioteknologi Dalam Makanan dan Minuman" melalui muzakarah Khas Jawatan Kuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-22, telah memutuskan penggunaan Bioteknologi Dalam Makanan dan Minuman adalah haram. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 35-36. Keputusan Fatwa Kebangsaan yang diadakan pada 21 September 1985, "Penggunaan Hormon FSH-P (Otak Babi) Sebagai Bahan Peningkatan Ternakan" melalui muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa kali ke-39 telah memutuskan i) Hormon FSH-P (otak babi) bahan penggalak yang diperolehi dari otak babi adalah najis mughallazah dan haram digunakan dalam bentuk apajua sekalipun sama ada untuk pembiakan dan sebagainya. Pengharaman tersebut berasaskan kepada syubhah. Manakala anak-anak binatang yang dihasilkan pembiakannya daripada FSH-P (otak babi) diharamkan, bahkan daging dan susunya.

<sup>57</sup>Asmak Haji Ali (2001), *"Pemakanan Yang Baik Menurut Perspektif Islam"* Kertas Kerja Seminar Potensi Pasaran Makanan Halal. Terengganu: Kuala Terengganu, h. 7.

## أَلْقُوهَا وَمَا حَوْلَهَا فَأَطْرَحُوهُ وَاكُلُوا سَمْنَكُمْ

“Buanglah ia (lemak) dan juga sekelilingnya (yang disentuh tikus). Setelah itu, makanlah saki-baki lemak kamu itu.”<sup>58</sup>

Justeru, apa yang diinginkan oleh Islam bukan sahaja halal tetapi seseorang itu memastikan suatu makanan itu juga baik (*tayyib*) untuk digunakan oleh manusia. Ini adalah bertujuan untuk melahirkan insan yang sentiasa membersihkan dirinya dari sebarang kekotoran sama ada dari sudut fizikal, mental, emosi dan spritual agar matlamat dan tujuan penciptaan manusia itu terlaksana.

vi) Suci lagi bersih apabila dikaitkan dengan peralatan atau perkakasan yang digunakan semasa pemprosesan, pembungkusan atau penyediaan mahupun semasa menghidangkan makanan untuk dinikmati bermaksud kesemua proses yang disebutkan bebas daripada sebarang najis sama ada terkena najis atau bernajis apatah lagi sekiranya peralatan tersebut dibuat dengan menggunakan bahan-bahan daripada haiwan yang diharamkan seperti anjing dan babi<sup>59</sup> atau berlaku percampuran di antara benda-benda halal dan haram. Sekiranya ini berlaku maka syarak mengharamkan seseorang daripada menggunakan peralatan tersebut kerana ia dikira sebagai najis.

---

<sup>58</sup>al-Bukhari (2001), *op.cit.*, Kitab al-‘Ilm, Bab ma yaqa’u min al-najasad fi al-saman wa al-ma’, no hadis: 235, h.95, Abu Dawud (1994 ), *op.cit.*, Kitab al-Tib, Bab fi al-fa’rah taqa’u fi al-saman, no. hadis: 3841, h. 690.

<sup>59</sup>Keputusan Fatwa Kebangsaan yang diadakan pada 21-22 Januari 1985, “Penggunaan bulu babi” melalui muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa kali ke-12, telah memutuskan penggunaan berus yang diperbuat daripada bulu babi adalah haram., Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 42.

Sekiranya ini berlaku maka syarak mengharamkan seseorang daripada menggunakan peralatan tersebut kerana ia dikira sebagai najis manakala produk atau makanan tersebut dikira sebagai terkena najis. Justeru, makanan yang pada asalnya halal dan harus dimakan menjadi haram bukan disebabkan oleh zat makanan tetapi adalah disebabkan faktor-faktor luaran atau sampingan haram jenis ini dikenali sebagai ‘*haram li ghairihi*’, sebagaimana yang diterangkan oleh Rasulullah SAW melalui hadisnya:

طَهْرُ إِنَاءٍ إِحْدِكُمْ إِذَا وُلِعَ فِيهِ الْكَلْبُ أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَوْلَاهُنَّ  
بِالتُّرَابِ

*“Cara menyuci bejana seorang di antara kamu jika dijilat anjing hendaklah dengan membasuhnya sebanyak tujuh kali dan salah satu daripadanya hendaklah dibasuh dengan tanah.”<sup>60</sup>*

Hadis di atas menjelaskan cara-cara menyucikan peralatan yang terkena najis atau bernajis. Ini bermakna sekiranya peralatan tersebut terkena najis selain anjing dan babi atau anak kacukannya memadailah dengan hanya membasuhnya dengan menggunakan air mutlak iaitu dengan dicucur atau dijiraskan air yang suci ke atas benda yang dibasuh, bukan dengan mencelupkan benda yang kena najis itu ke dalam air yang sedikit ke dalam besin atau periuk dan sebagainya walaupun dengan beberapa kali celup hukumnya tetap tidak suci.

Akan tetapi, jika ia terkena najis *mughallazah* (yang berat) seperti najis anjing dan babi atau dijilat oleh salah satu dari keduanya atau anak kacukannya, maka hendaklah dibersihkan dengan tujuh kali basuhan dan salah satu daripada tujuh basuhan

---

<sup>60</sup>Muslim (2001), *op.cit.*, kitab al-Taharah, Bab Hukum Wulughi al-Kalbi, no. hadis: 279, h. 128. Abu Dawud (1994), *op.cit.*, Kitab al-Taharah, Bab al-Wadu’ Bi Su’ri al-kalbi, no. hadis: 71, h. 30. Al-Bukhari (2000), *op.cit.*, Kitab Zabaih wa al Sayd, bab Sayd al-Qaus, no. hadis: 5478, h. 737.

itu mestilah menggunakan tanah yang suci sebagaimana yang dijelaskan oleh hadis di atas.

Menurut fatwa yang dikeluarkan oleh Syeikh Abdul Majeed Subh<sup>61</sup> orang Islam boleh makan dan minum daripada pinggan dan gelas yang sama yang telah digunakan untuk menyaji babi atau alkohol asalkan pinggan atau gelas yang itu sudah disuci sebersih-bersihnya dan kesannya telah hilang sama sekali. Para sahabat Rasulullah SAW telah bertanya kepada baginda tentang menggunakan perkakas yang digunakan oleh orang Islam untuk menyajikan babi dan daging babi dan baginda menyuruh mereka menyucikannya sebelum boleh digunakan. Perkara ini ditegaskan lagi oleh Syeikh Faysal Mawlawi iaitu Timbalan Pengerusi Majlis Fatwa dan Penyelidikan Eropah.<sup>62</sup> Menurut beliau pinggan dan perkakas yang sebelumnya digunakan untuk menyajikan makanan dan minuman haram boleh digunakan asal saja perkakas itu dicuci secucucinya sampai semua kesan makanan dan minuman haram itu hilang semuanya.<sup>63</sup> Berdasarkan kepada maklumat di atas penulis mendapati bahawa KFC memenuhi semua syarat-syarat sebagaimana yang telah ditetapkan oleh prinsip-prinsip syarak dan bertepatan dengan yang di gariskan oleh para ulama.

---

<sup>61</sup>Beliau merupakan seorang ulama yang terkenal di al-Azhar, lihat Daud Baharum (2006), *Fatwa Menempuh Kehidupan Modern, Fatwa 149: Pinggan Mangkuk dan Gelas Bekas Sajian Babi dan Alkohol*, Selangor: Daud Baharum, h. 374-375.

<sup>62</sup>*Ibid.*, Beliau merupakan Timbalan Pengerusi Majlis Fatwa dan Penyelidikan Eropah.

<sup>63</sup>al-Tirmidhi (t.t), *op.cit.*, Kitab al-At'imah, Bab ma ja' fi al-akl fi aniyah al-kuffar, jil. 6, no. hadis: 1796, h. 416, Ibn Majah (2000), *op.cit.*, Kitab al-Sayd, Bab Sayd al-kalbi, no. hadis: 3207, h. 542, al-Nasai (1988), *op.cit.*, Kitab al-Sayd, Bab Sayd al-kalbi allazi laisa bi ma'lum, jil. 13, no. hadis: 4266, h. 657, lihat juga Daud Baharum (2006), *op. cit.*, h. 375, Mutawali Sya'rawi (2009), *Fatwa-Fatwa Imam Al-Sya'rawi*, terj. H. Abdurrahman Saleh Selangor: Berlian Publication, h. 481, Fatwa no. 47: *Pinggan Mangkuk dan Gelas Bekas Sajian Babi dan Alkohol*.



#### 4.4.2. Dari Sudut Penyembelihan

Ini bermaksud apabila sesuatu sumber makanan itu daripada daging sama ada binatang yang boleh dikuasai (binatang yang jinak), seperti lembu dan kambing, binatang yang tidak boleh dikuasai (binatang liar) biasanya binatang ini menjadi binatang buruan seperti rusa dan pelanduk atau yang jinak menjadi liar, maka dalam konteks yang lebih luas sama ada haiwan berkaitan akan disembelih atau diburu, seseorang itu perlu memastikan haiwan tersebut disembelih dengan cara yang betul berdasarkan kepada beberapa rukun dan syarat penyembelihan yang telah ditetapkan oleh syarak. Sekiranya salah satu daripada rukun itu tidak dipatuhi, maka hasil sembelihan<sup>64</sup> itu tidak halal dimakan. Rukun-rukun yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- i) Penyembelih hendaklah seorang Islam atau Ahli Kitab, dan Ahli Kitab yang dimaksudkan disini ialah orang Yahudi atau Nasrani. Semasa menyembelih mesti membaca *basmalah*, ini kerana sembelihan orang kafir<sup>65</sup> tidak sah walaupun ia membaca *basmalah* dan ia tidak boleh menjadikan suatu makanan itu halal.

Para ulama telah berselisih pendapat berhubung dengan tuntutan membaca *basmalah* ketika melakukan penyembelihan. Mazhab Hanafi dan

---

<sup>64</sup>Sembelihan berasal dari perkataan Arab "*al-zabaih*" ia adalah kata jamak dari perkataan *zabihah*. Manakala perkataan *dzakah* menurut syarak ialah menyembelih dengan *dzabh* atau *nahr* haiwan yang boleh dimakan dagingnya atau binatang halal. Penyembelihan pada halkum iaitu bahagian leher paling atas yang disebut *dzabh* di lakukan selain unta manaka penyembelihan pada *labbah* (di bawah leher) disebut sebagai *nahr* dan dilakukan khusus untuk unta. Lihat Halim bin Ahmad (2001), Penyembelihan dan Pemburuan: Antara tuntutan Syarak dan Sains, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jurnal Pendidikan Islam, h. 91, bil. 14.

<sup>65</sup>Ijma' ulama telah menetapkan bahawa orang murtad dan ateis yang tidak beriman kepada Allah SWT dan risalahNya, tidak beriman kepada agama samawi dan kitab suci yang diturunkannya, serta tidak beriman kepada nabi dan rasul Allah SWT seperti orang komunis sembelihannya tidak halal dimakan oleh kaum Muslimin. Kerana itu seseorang Muslim tidak boleh memakan daging atau ayam atau lain-lain produk yang berkaitan yang diimport dari negara komunis, kerana binatang itu disembelih oleh kaum yang mengingkari adanya Allah SWT, lihat Yusuf Qardawi (2000), *Fatawa Muasirah*, Beirut: al-Maktabah al-Islami. h. 680.

Maliki berpendapat haram memakan sembelihan yang tidak menyebut nama Allah SWT dengan sengaja berdasarkan kepada firman Allah SWT:

وَمَا أَهْلٌ لِّغَيْرِ اللَّهِ بِهِ

“...dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah SWT...”

Surah al-Ma'idah (5): 3

Mereka tidak mengkhususkan dengan hadis riwayat al-Daraqutni daripada Abu Hurayrah “Sembelihan seorang Muslim halal, sama ada disebut nama Allah SWT ataupun tidak.” Kerana menurut mereka ia adalah hadis *Ahad* dan ayat yang umum tidak boleh dikhususkan dengannya.<sup>66</sup> Akan tetapi, bagi mazhab Syafi'i dan Hanbali mereka membolehkan memakan sembelihan yang tidak menyebut nama Allah SWT dengan sengaja kerana mereka telah mengkhususkan keumuman ayat yang *zanni* dengan hadis yang juga bersifat *zanni*. Ini adalah kerana nas yang *zanni* dapat mengkhususkan nas *zanni* yang lain.<sup>67</sup> Hukum di atas berdasarkan kepada hadis riwayat Dar al-Qutni daripada Abu Hurayrah “Nama Allah terletak di setiap mulut seorang Muslim.”<sup>68</sup>

Manakala menurut 'Aidh bin Abd Allah al-Qarni, sesiapa yang meneriama hadiah daging dan dalam masa yang sama dia tidak dapat mengenalpasti sama ada ketika penyembelihan dilakukan telah dibacakan *basmalah* atau sebaliknya,

---

<sup>66</sup> Saadan Man *et al.* (2009), *op.cit.*, h. 56.

<sup>67</sup> *Ibid.*, h. 56-57.

<sup>68</sup> Wahbah al-Zuhayli (1998), *Asbab Ikhtilaf Wijhat al-Nazr al-Fiqhiyyah*, Damsyik: Dar al-Maktabi, h. 126.

maka hendaklah sipenerima membacakan *basmalah* ke atas daging tersebut dan kemudian memakannya.<sup>69</sup> Ini adalah berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW:

سَمُّوا عَلَيْهِ أَنْتُمْ وَكُلُّوهُ

“Bacakanlah *bismillah* ke atasnya dan kemudian makanlah”.<sup>70</sup>

ii) Penyembelihan hendaklah dilakukan semata-mata kerana Allah SWT. Sekiranya penyembelihan yang dilakukan kerana selain Allah SWT seperti kerana berhala, kerana orang Islam, kerana Nabi atau disebutkan sewaktu menyembelih nama selain Allah SWT, maka tidak halal sembelihan tersebut.<sup>71</sup> Hal ini sejajar dengan firman Allah SWT:

وَمَا أَهْلٌ لِّغَيْرِ اللَّهِ بِهِ

“...dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah SWT...”<sup>72</sup>

Surah al-Ma'idah (5): 3

iii) Haiwan yang disembelih mestilah halal dimakan, masih hidup dalam hayat *mustaqirrah*, memutuskan *halkum* (saluran penafasan) dan *marih* (saluran makanan). Bagi tujuan memudahkan penyembelihan, penggunaan electrical

<sup>69</sup>Aidh bin ‘Abd Allah al-Qarni (2003), *Fiqh al-Dalil*, Riyad: Maktabah al-‘Abikan, h. 286.

<sup>70</sup>Al-Bukhari (2001), *op.cit.*, Kitab al-Zabaih wa al-Sayd, bab zabaih al-‘Arab wa nahwihim, no. hadis: 5507, h. 754.

<sup>71</sup>Mustafa al-Khin *et al.* (2007), *op.cit.*, jil.1, h. 478.

<sup>72</sup>Lihat juga Surah al-Baqarah (2): 173 dan Surah al-Kausar (108): 2.

stunning dalam penyembelihan lembu<sup>73</sup> dan penyembelihan ayam dengan pelalian *water stunner* telah digunakan di kilang atau rumah penyembelihan. Dalam hal ini, menurut Fatwa Kebangsaan melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali ke-22, bertarikh pada 24 November 1988 telah memutuskan hukumnya adalah harus.<sup>74</sup>

iv) Alat penyembelihan hendaklah tajam dan dalam hal ini para ulama telah bersepakat mengatakan bahawa setiap benda tajam boleh digunakan untuk menyembelih kecuali kuku dan gigi. Menurut ulama mazhab Hanafi, alat yang digunakan untuk melakukan penyembelihan hendaklah tajam, boleh melukakan disebabkan ketajamannya bukan disebabkan kekuatannya.<sup>75</sup> Manakala bagi ulama mazhab Syafi'i dan ulama' mazhab Hanbali, halal hasil penyembelihan yang menggunakan setiap benda-benda yang tajam yang boleh melukakan disebabkan ketajamannya seperti batu, besi, timah tembaga kecuali kuku dan gigi.<sup>76</sup>

Sekiranya penyembelihan ayam yang dilakukan itu menggunakan mesin elektrik,<sup>77</sup> maka dalam hal ini Islam telah menetapkan beberapa rukun utama yang menjadi syarat halal satu-satu sembelihan di samping terdapat beberapa syarat-syarat tambahan dalam penyembelihan yang perlu dipatuhi, ini bererti

---

<sup>73</sup>Lihat Keputusan Fatwa Kebangsaan (t.t.), *Muzakarah Jawatankuasa Fatwa kali ke-22*, Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM). h, 43 bertarikh 24 November 1988. Lihat juga Ahmad Al-Absy dan Sami Hakim ((1998), *Analisis Kesan Kejutan Elektrik Pada Kadar Pendarahan Ayam Yang Disembelih*, Jurnal Penyelidikan Islam, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 81-95. Lihat juga Cawangan Pembangunan Halal, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), (2000), "*Ciri-ciri Meragukan Dalam Penyediaan Makanan Dan Cara Mengatasinya*." Jurnal Penyelidikan Islam, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM),(2000), h. 69-71.

<sup>74</sup>*Ibid.*, h. 44.

<sup>75</sup>Mustafa al-Khin *et al.* (2007), *op.cit.*, jil.1, h. 475-487.

<sup>76</sup>Wahbah al-Zuhayli (2009), *op.cit.*, jil. 3, h. 675.

<sup>77</sup>Fatimah Saad (1998), *Penyembelihan Ayam Dengan Menggunakan Mesin*, Jurnal Penyelidikan Islam, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), h. 59-61. Bil.11.

sekiranya salah satu dari rukun tersebut tidak dipatuhi, maka hasil sembelihan itu haram dimakan.<sup>78</sup>

Rukun-rukun dan syarat-syarat yang diperlukan antaranya adalah seperti berikut:<sup>79</sup>

- i) Seorang penyembelih Muslim yang hadir dan menjalankan tugas sebagai pemetik suis, memastikan ayam yang disembelih mematuhi syarat-syarat sembelihan, boleh dianggap sebagai penyembelih yang diizinkan oleh syarak kerana mesti suis itu sama seperti memegang alat dengan tangan sendiri.
- ii) Penggunaan mesin ini diperakui kerana ayam yang hendak disembelih terlalu banyak dan tidak mampu dilakukan oleh tenaga.
- iii) Penyembelihan ayam dengan menggunakan mesin elektrik adalah dibolehkan dengan syarat penyembelih itu orang Islam sentiasa hadir sepanjang penyembelihan berlaku dan memetik suis penyembelihan.
- iv) Pihak berkuasa hendaklah sentiasa mengawasi tempat sembelihan itu supaya tidak berlaku penyelewengan.
- v) Penyembelih yang ditugaskan sebagai operator mesin (pemetik suis) hendaklah seorang Islam, sentiasa berada di tempat penyembelihan dan memulakan operasinya dengan membaca *basmalah*.

---

<sup>78</sup>*Ibid.*, h. 60-61.

<sup>79</sup>*Ibid.*, h. 61. Lihat juga Cawangan Pembangunan Halal, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), (2000), “*Ciri-ciri Meragukan Dalam Penyediaan Makanan Dan Cara Mengatasinya.*” Jurnal Penyelidikan Islam, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 68-69.

vi) Apabila berlaku pertukaran shif pekerja, penyembelih syif yang pertama hendaklah memberhentikan mesin. Apabila pekerja syif yang kedua mengambil tugas, maka hendaklah dia menghidupkan mesin dengan membaca *basmalah* sebagaimana yang dilakukan oleh pekerja yang pertama dan begitulah seterusnya.

vii) Pisau yang digunakan hendaklah tajam dan hanya mempunyai satu mata sahaja. Sementara ayam yang hendak disembelih itu mestilah halal untuk dimakan dan masih bernyawa (*hayat mustaqirrah*). Manakala ayam yang disembelih hendaklah putus urat *halkum* dan urat *marih*.

viii) Penyembelih (pemetik suis) berkenaan hendaklah sentiasa mengawasi proses penyembelihan dan juga bertanggungjawab menyembelih dengan tangan iaitu dengan menggunakan pisau jika terdapat mana-mana ayam yang tidak terkena pisau sembelihan mesin yang digerakkan oleh kuasa elektrik.

Melalui perbincangan diatas menunjukkan bahawa bahawa alat penyembelihan yang di iktiraf oleh syarak bagi membolehkan hasil sesuatu sembelihan itu halal dimakan ialah dengan mengguna benda yang tajam seperti batu, pisau, pedang, panah dan sebagainya yang boleh melukakan dan memotong disebabkan ketajamannya bukan kerana tekanan dari alat tersebut atau tekanan yang dilakukan oleh penyembelih semasa melakukan penyembelihan. Seterusnya tiada khilaf dikalangan ulama terhadap penggunaan mesin eletrik bagi tujuan penyembelihan ayam yang terlalu banyak dan tidak mampu dilakukan oleh tenaga manusia kerana mesin yang digunakan itu

sememangnya tajam dan menepati kehendak syarak, sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

مَا أَنْهَرَ الدَّمَ وَذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ فَكُلُّهُ لَيْسَ السِّنَّ وَالظُّفْرَ

*“Sesuatu yang boleh mengalirkan darah dan disebutkan nama Allah SWT ke atasnya, maka makanlah kecuali gigi dan kuku.”*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)<sup>80</sup>

Antara intisari hadis di atas ialah setiap sesuatu yang tajam yang digunakan sebagai alat penyembelihan adalah halal dimakan kecuali gigi atau kuku atau salah satu dari keduanya, maka hasil sembelihan itu tidak halal dimakan. Kesimpulannya, dalam permasalahan sembelihan ini jika dilihat dari sudut tuntutan dan keperluan syarak jelas menunjukkan tidak terdapat perbezaan di antara makanan segera dengan makanan yang disediakan secara konvensional (tidak segera). Justeru, menurut kajian dan penelitian penulis, kaedah yang digunakan oleh KFC dalam penyembelihan haiwan memenuhi semua kriteria yang telah ditentukan oleh syarak.

#### **4.4.3. Makanan Itu Tidak Memudaratkan**

Islam bukan sahaja menjaga soal halal haram, tetapi soal kebaikan pada seseorang atau orang lain perlu dijaga dan dipelihara. Sehubungan dengan itu apa sahaja yang dilakukan sekiranya mendatangkan kemudaratkan<sup>81</sup> sama ada pada diri sendiri atau orang lain perlu di jauhi dan di hindari. Tidak terkecuali termasuklah dalam soal makanan sama ada

---

<sup>80</sup>Muslim (2001), *op.cit.*, Kitab al-Adhahi, Bab Jawaz al-Zabh bi Kulli Ma anhara al-Dammi illa al-Sinni wa al-Zufr, no. hadis: 1968, h. 848.

<sup>81</sup>Kemudaratkan yang dimaksudkan disini ialah sama ada dari sudut fizikal, mental, spritual, dan emosi.

makanan segera atau makanan tradisional. Dalam soal ini, jumbuh ulama telah menetapkan bahawa setiap sesuatu yang boleh memudaratkan kaum Muslimin samada dari sudut fizikal, mental, emosi dan spritual wajib dihindari seiring dengan kaedah fiqh iaitu: لَا ضَرَّ وَلَا ضَرَارَ (Tidak boleh membahayakan diri sendiri dan membahayakan orang lain).<sup>82</sup>

Hadis di atas bermaksud hendaklah dihilangkan atau dihindarkan setiap sesuatu yang boleh mendatangkan kemudatan atau kerosakan sama kemudatan atau kerosakan yang bersifat umum atau khusus. Dalam masa yang sama seseorang tidak boleh sama sekali melakukan atau membuat kerosakan dan kemudatan terhadap diri sendiri atau orang lain. Akan tetapi untuk menghilangkan kemudatan itu adakalanya melibatkan kemudatan.<sup>83</sup> Justeru, dalam hal ini Islam telah menekankan kaedah أَلْضَّرُّ لَا يُزَالُ بِأَلْضَّرِّ (Kemudatan tidak boleh dihilangkan dengan kemudatan).<sup>84</sup> Ini bermaksud kemudatan hanya boleh dihilangkan dengan kemudatan yang lebih rendah, tidak boleh dihilangkan dengan kemudatan yang sama atau dengan yang lebih mudarat, ini kerana sekiranya boleh dihilangkan dengan mudarat maka ianya bertentangan dengan kaedah أَلْضَّرُّ يُزَالُ بِالضَّرِّ (Kemudatan perlu dihindarkan).<sup>85</sup>

---

<sup>82</sup>Hadis ini ditakhrij oleh Imam Malik di dalam *al-Muwatta'* daripada Amr ibnYahya daripada bapanya secara *mursal*. Juga di takhrij oleh al-Hakim di dalam *al-Mustadrak*, al-Baihaqi dan Dar al-Qutni daripada Abu Said al-Khudri. Ibn Majah juga mentakhrijnya daripada hadis ibn Abbas dan Ubadah ibn al-Samit.

<sup>83</sup>Para ulama telah bersepakat bahawa kaedah ini mengecualikan dharar yang diizinkan oleh syarak seperti Hudud, Qisas dan setiap hukuman kesiksaan dan ta'zir disebabkan menghindari kerosakan hendaklah didahulukan dari mengambil kebaikan, lihat Ahmad al-Zarqa' (1983), *Syarah al-Qawaid al-Fiqhiyyah*, Beirut: Dar al-Gharb h.113.

<sup>84</sup>Jalal al-Din Abd Rahman Abi Bakr al-Suyuti (t.t), *op.cit.*, h. 176, lihat juga, Hussin Muhammad al-Mallah (2009), *al-Fatwa Nasyatuha wa Tatawwaruha Usuliha Wa Tatbiqatiha*, jil. 2, Beirut: al- Maktabah al-Asriyyah, h. 894.

<sup>85</sup>*Ibid.*, h. 172.



Antara contohnya ialah:

a) Seperti seseorang yang terlalu lapar dan untuk mengelakkan dirinya kebuluran dan kebinasaan sedangkan dia tidak memperolehi sesuatu melainkan harta atau makanan orang lain yang sama berhajat sepertinya. Maka dia tidak boleh mengambil harta orang tersebut.<sup>86</sup>

b) Seseorang yang dipaksa membunuh orang lain, sedangkan dia tidak dihalalkan oleh syarak untuk membunuhnya, kerana perbuatan membunuh itu akan menimbulkan kemudaratan yang sama atau lebih besar. Berlainan dengan seorang yang dipaksa minum arak dan kalau ia enggan dia akan dibunuh, maka dalam situasi begini halal baginya meminum arak tersebut disebabkan ancaman membunuh itu lebih berat daripada meminum arak.<sup>87</sup>

Sepanjang penelitian penulis dan hasil daripada sesi temu bual yang dibuat di kalangan para ulama<sup>88</sup> yang terdiri daripada berbagai-bagai aliran, dapat dirumuskan bahawa mereka bersepakat mengatakan hukum pengambilan makanan segera harus dan halal dalam Islam. Walaupun dalam bab dua, penulis menukikan pandangan yang mengatakan makanan segera boleh mendatangkan penyakit akan tetapi menurut kajian penulis, punca utama penyakit adalah berpunca daripada sikap dan cara pengambilan makanan segera itu sendiri bukan disebabkan oleh zatnya. Manakala hukum harus

---

<sup>86</sup>Ibn Abd al-Salam, 'Izzuddin (t.t) *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, Qaherah: Dar al-Syuruq li al-Tiba'ah, jil. 2, h. 6-7.

<sup>87</sup>Muhammad 'Uqlah (t.t), *al-Islam Maqasiduhu wa Khasaisuhu*, Amman: Dar al-Risalah, h. 244.

<sup>88</sup>Khalif Muammar A. Haris, *op.cit.*, Abdul Ghani Shamsuddin, *op.cit.*, Luqman bin Abdullah, *op.cit.*, Mohd Hapiz bin Mahaiyadin, *op.cit.*, Johari M. Ag. *op.cit.*, Muhammad bin Ali, *op.cit.*, Abdul Karim Ali, *op.cit.*

tersebut akan berubah kepada haram sekiranya pengambilan makanan segera ternyata mendatangkan kemudharatan.

Hukum ini bukan sahaja terhad kepada pengambilan makan segera tetapi termasuk juga makanan tradisional, jika ianya mendatangkan kemudharatan, maka hukumnya tetap haram. Ini kerana walaupun sesuatu yang diambil oleh seseorang itu halal, akan tetapi jika ianya boleh mendatangkan kemudharatan maka perbuatan tersebut tetap ditegah oleh syarak. Ini dapat difahami melalui firman Allah SWT:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

*“...dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan..”*

Surah al-Baqarah (2): 195

Dan Sabda Rasulullah SAW:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

*“Tidak boleh membahayakan diri sendiri dan membahayakan orang lain”*.<sup>89</sup>

Begitu juga dengan makanan-makanan yang lain apabila ia memudaratkan maka ia perlu diharamkan oleh pihak yang berkuasa. Ini kerana menurut prinsip-prinsip hukum Islam, (apa saja yang membawa kepada haram adalah haram)<sup>90</sup> Sekiranya kilang atau syarikat yang menghasilkan makanan yang memudaratkan masyarakat, maka

<sup>89</sup>Hadis ini ditakhrij oleh Imam Malik di dalam *al-Muwatta'* daripada Amr ibnYahya daripada bapanya secara *mursal*. Juga di takhrij oleh al-Hakim di dalam *al-Mustadrak*, al-Baihaqi dan Daruqutni daripada Abu Said al-Khudri. Ibn. Majah juga mentakhrijnya daripada hadis ibn Abbas dan Ubadah ibn al-Samit.

<sup>90</sup>Yusuf al-Qaradawi (1993), *al-Halal wa al-Haram fi al-Islami*, c.11, Qaahrah: Maktabah Wahbah, h.31.

kerajaan atau pemerintah berhak atau wajib hukumnya menghukum syarikat atau kilang berkenaan supaya perkara seperti itu tidak berlaku dan tidak berleluasa dan kemaslahatan masyarakat dapat dijaga dan dipelihara. Ini seiring dengan kaedah fiqh iaitu: “Tindakan penguasa terhadap rakyat hendaklah dikaitkan dengan kemaslahatan (rakyatnya)”<sup>91</sup> (تَصَرَّفُ أَوْلِيَاءِ عَلَى الرَّعِيَةِ مَنُوطٌ بِالصَّلَاحِ). Contohnya: apabila timbul isu susu yang mengandungi melamin yang juga merupakan makan segera yang jelas memudaratkan maka hukumnya haram.<sup>92</sup> Haram menghasilkan makanan tersebut dan haram digunakan oleh masyarakat kerana ia memudaratkan sehingga membawa kepada kematian.

Oleh yang demikian, segala tindakan yang dilaksanakan oleh pemerintah hendaklah selaras dengan kepentingan masyarakat umum keseluruhannya, bukan untuk golongan-golongan tertentu sahaja dan bukan untuk membawa kepada kemusnahan terhadap rakyat dan masyarakat umum sama ada dari sudut harta benda, nyawa ataupun agama.<sup>93</sup> Menurut imam al-Qarafi, apa-apa sahaja pengurusan yang berkaitan dengan kaum Muslimin, rakyat dan masyarakat umum sangat dituntut supaya melaksanakannya dengan berasaskan kepada kemaslahatan. Ini kerana keprihatinan dan ketelitian syarak terhadap kepentingan umum lebih diutamakan daripada kepentingan individu yang bersifat khusus.<sup>94</sup>

---

<sup>91</sup>Al-Suyuti (t.t), *op.cit.*, h. 231.

<sup>92</sup>Menurut Abdul Ghani bin Shamsuddin, ulama dan Pengerusi Sekretariat Himpunan Ulama Rantau Asia (SHURA), dalam menentukan halal haram terdapat berbagai aspek yang perlu di ambil kira antaranya: soal teknik pemakanan seimbang, kaedah-kaedah yang mesti dipatuhi antaranya ialah air yang hendak diminum mesti air yang bersih, bukan air yang mengandungi klorin yang tinggi yang boleh mendatangkan kemudatan kepada seseorang seperti sakit perut, kematian atau sebagainya sama ada dalam jangka pendek atau jangka panjang. Temu bual pada 9 Febuari 2009.

<sup>93</sup>Ali Ahmad al-Nadwi (1994), *op.cit.*, h. 317.

<sup>94</sup>*Ibid.*, h. 404.

Melalui kaedah ini, dapatlah difahami bahawa sebarang tindakan yang dilakukan oleh pihak pemerintah terhadap pengilang dan pengusaha makanan segera yang turut dibantu oleh agensi-agensi kerajaan dan badan-badan NGO bagi melindungi kepentingan dan keselamatan pengguna adalah berasaskan kepada kepentingan ummah dan selaras dengan tuntutan syarak. Jika diteliti daripada konsep *halalan tayyiban* ia cukup jelas bahawa apa yang diinginkan oleh Islam bukan semata-mata halal, tetapi perlu dipastikan sesuatu makanan itu baik untuk diambil oleh manusia dan ini sangat penting bagi kehidupan manusia. Akan tetapi, menurut Abdul Ghani Shamsuddin, untuk menentukan status halal haram pengambilan makanan segera, perlu merujuk kepada kepentingan siyasah syari'ah seperti makanan yang dimiliki oleh Amerika dan Yahudi, pengambilan makanan tersebut akan menyebabkan hasil negara akan mengalir keluar negara yang boleh mengakibatkan negara menjadi mundur. Di samping kaum Yahudi yang semakin bermaharajalela membunuh orang Islam dan disebabkan makanan segera adalah milik mereka, maka berdosa dan haram<sup>95</sup> hukumnya mengambil makanan segera dan perlu

---

<sup>95</sup>Menurut pandangan Muhammad bin Ali, Guru Pondok Berangan. Tumpat Kelantan, Pengambilan makanan segera tidak boleh dihukumkan haram sebab fiqh telah menetapkan hukum makanan itu harus. Jawapan bertulis pada 13 Ogos 2009. Menurut Abd. Karim Ali, Pensyarah di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, tentang mengharamkan pengambilan makanan segera tidak boleh, sebab makanan yang disembelih oleh Yahudi boleh dimakan. Haram mungkin dari sudut siyasah syari'ah bukan dari sudut zat makanan tersebut, temu bual pada 29 September 2009. Manakala bagi Luqman bin Abdullah, Pensyarah Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam (API) Universiti Malaya Merangkap Pengetua Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas Kelantan, berpendapat, sekiranya pihak yang berkuasa seperti pemerintah hendak mengharamkan pengambilan makanan segera, dalam hal ini, pihak yang berkenaan perlulah melihat manakah yang lebih mendatangkan manfaat dan mudharat atau *darful masalih*, haram juga *darful masalih* seperti bank untuk mengukuhkan system kapitalis, walaupun pada asalnya seseorang memang tidak perlu kepada bank. Akan tetapi Bank Islam turut terlibat dengan sistem kapitalis. Di atas dasar mengelakkan diri daripada kemudaratan, seseorang perlu mengelakkan diri daripada mengambil makanan yang tidak perlu ambil seperti ajinomoto. Mengelakkan diri daripada mengambil makanan segera merupakan satu perkara yang dituntut oleh syarak. Kerana ia merupakan makanan sampingan dan bukan satu keperluan dalam hidup, ia termasuk membazir perbuatan membazir kerana dengan jumlah yang sama jika seseorang makan di kedai yang lain dengan nilai yang sama akan mendapat kuantiti yang lebih berbanding dengan restoran makanan segera. Makanan segera kalau dari sudut penjagaan kesihatan perlulah di elakkan, sememangnya diakui kemudaratananya akan tetapi dalam keadaan dunia sekarang ianya sukar untuk dielakkan. Temu bual pada 11 Mac 2009.

diboikot<sup>96</sup> dari segi siyasah syari'ah. Perkara begini tidak boleh dibiarkan berterusan, umat Islam mesti menguasai ekonomi dan pemakanan khasnya dan perlu melihat implikasinya dari sudut kedaulatan, kuasa dan hak-hak harta benda rakyat dan ummah. Seterusnya pengambilan produk tersebut dikatakan turut membantu mengukuhkan ekonomi barat.<sup>97</sup>

Menurut penulis, untuk menentukan hukum halal haram terhadap pengambilan makanan segera, seseorang perlu merujuk kepada sumber-sumber hukum dalam Islam, sama ada sumber yang disepakati oleh jumbuh ulama seperti al-Quran, al-Sunnah, Ijma' dan Qiyas atau melalui sumber-sumber yang tidak disepakati oleh jumbuh ulama seperti *al-Istihsan al-Masalih al-Mursalah*, *al-'Uruf* dan *al-Ijtihad*. Namun dalam keadaan tertentu terdapat kebarangkalian memasukkan kepentingan siyasah syari'ah sebagai salah satu daripada faktor dalam menentukan status halal haram terhadap pengambilan segera. Akan tetapi apabila ianya dikaitkan dengan KFC Malaysia, maka dalam hal ini penulis menyarankan agar satu kajian ilmiah perlu dilakukan terlebih dahulu. Ini kerana apabila diaplikasikan kepada KFC Malaysia, hasil kajian yang dibuat mendapati bahawa

---

<sup>96</sup>Menurut pandangan Muhammad bin Ali, Guru Pondok Berangan. Tumpat Kelantan, Pengambilan makanan segera tidak boleh dihukumkan haram sebab fiqh telah menetapkan hukum makanan itu harus. Jawapan bertulis pada 13 Ogos 2009. Menurut Abd. Karim Ali, Pensyarah di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, tentang mengharamkan pengambilan makanan segera tidak boleh, sebab makanan yang disembelih oleh Yahudi boleh dimakan. Haram mungkin dari sudut siyasah syari'ah bukan dari sudut zat makanan tersebut, temu bual pada 29 September 2009. Manakala bagi Luqman bin Abdullah, Pensyarah Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam (API) Universiti Malaya Merangkap Pengetua Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas Kelantan, berpendapat, sekiranya pihak yang berkuasa seperti pemerintah hendak mengharamkan pengambilan makanan segera, dalam hal ini, pihak yang berkenaan perlulah melihat manakah yang lebih mendatangkan manfaat dan mudharat atau *darful masalih*, haram juga *darful masalih* seperti bank untuk mengukuhkan system kapitalis, walaupun pada asalnya seseorang memang tidak perlu kepada bank. Akan tetapi Bank Islam turut terlibat dengan sistem kapitalis. Di atas dasar mengelakkan diri daripada kemudaratan, seseorang perlu mengelakkan diri daripada mengambil makanan yang tidak perlu ambil seperti ajinomoto. Mengelakkan diri daripada mengambil makanan segera merupakan satu perkara yang dituntut oleh syarak. Kerana ia merupakan makanan sampingan dan bukan satu keperluan dalam hidup, ia termasuk membazir perbuatan membazir kerana dengan jumlah yang sama jika seseorang makan di kedai yang lain dengan nilai yang sama akan mendapat kuantiti yang lebih berbanding dengan restoran makanan segera. Makanan segera kalau dari sudut penjagaan kesihatan perlulah di elakkan, sememangnya diakui kemudaratannya akan tetapi dalam keadaan dunia sekarang ianya sukar untuk dielakkan. Temu bual pada 11 Mac 2009.

<sup>97</sup>Hasil temu bual dengan Abdul Ghani Shamsuddin, ulama dan Pengerusi Sekretariat Himpunan Ulama, Rantau Asia (SHURA), temu bual pada 09 Februari 2009.

KFC Malaysia adalah milik Kulim Berhad. Manakala pemegang sahamnya terdiri daripada rakyat tempatan yang secara majoritinya dimiliki oleh orang Islam. Dalam konteks ini, jika dibuat perbandingan di antara KFC Malaysia dan KFC milik Amerika jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang ketara di antara keduanya dalam semua aspek.

Tanggapan yang mengatakan KFC Malaysia turut menyumbang membangunkan ekonomi musuh-musuh Islam seperti Israil atau Amerika perlu di kaji terlebih dahulu. Ini kerana sehingga kini tiada terdapat bukti-bukti tentang penglibatan KFC Malaysia dalam membantu ekonomi musuh-musuh Islam. Justeru, sebarang usaha untuk mengharamkan pengambilan makanan segera KFC ataupun untuk memulakannya, maka dalam situasi ini seseorang atau pihak yang berwajib perlu melihat dari sudut mana yang lebih manfaat dan mudarat. Sekiranya manfaat mengatasi kemudaratan maka dalam hal ini diutamakan kemanfaatan dan begitulah sebaliknya. Akan tetapi sekiranya bertembung dua kemudaratan hendaklah diberi perhatian kepada mudarat yang lebih besar di antara keduanya dengan memilih kemudaratan yang paling ringan.<sup>98</sup> Ini bermaksud cara untuk melepaskan diri dari pertembungan dua kemudaratan yang tidak dapat dielakkan dan pasti berlaku salah satu daripadanya. Maka dalam situasi begini hendaklah memilih kemudaratan yang kecil dengan mengeneipkan kemudaran yang lebih besar bagi mengelakkan bahaya yang lebih dahsyat.<sup>99</sup> Misalnya, harus seorang isteri menuntut tebus talak semasa haid kerana menyelamatkan diri penyeksaan suami ini lebih diutamakan dari keburukan memanjangkan tempoh 'iddah ke atas dirinya disebabkan sedikit kemudaratannya.<sup>100</sup> Kesimpulannya untuk menentukan hukum

---

<sup>98</sup>Al-Suyuti (t.t), *op.cit.*, h. 87. Mustafa Ahmad al-Zarqa'(1968), *op.cit.*, jil. 2, h. 983-984.

<sup>99</sup>Muhammad 'Uqlah (t.t), *op.cit.*, h. 245.

<sup>100</sup>Al-Suyuti (t.t), *op.cit.*, h.87.

pengambilan makanan segera (KFC) haruslah berpandukan kepada ketetapan syarak di samping mengambil kira kedudukan geografi dan sosio budaya setempat.

Berhubung dengan isu kemudharatan yang dikaitkan dengan pengambilan makanan segera. Para ulama tidak dapat memberikan kata sepakat dalam menentukan tahap kemudharatan akibat daripada pengambilannya boleh dikategorikan sebagai haram atau tahap kemudharatan yang dikategorikan sebagai makruh. Justeru, untuk menentukan hukum terhadap kemudharatan perlu melihat kepada tahap kemudharatan itu sendiri, perlu dibukti dengan fakta dan pengesahan daripada pandangan pakar-pakar pemakanan, para saintis atau doktor kesihatan. Ini kerana kemudharatan terhadap pengambilan makanan segera atau makanan tradisional itu berbeza mengikut individu. Misalnya rokok, ini contoh klasik di kalangan ulama tradisional, tabiat merokok itu boleh membawa kepada kemudharatan. Menurut Muhammad bin Hj. Ali,<sup>101</sup> merokok itu makruh tidak haram sebab terdapat orang yang menghisap rokok sampai tua tetapi mati bukan sebab rokok. Ini bermaksud tidak terdapat bukti yang jelas dan nyata yang boleh mensabitkan merokok dengan kemudharatan yang boleh membawa kepada kematian. Justeru, untuk mengistinbatkan hukum perlu kepada kajian yang dibuat berdasarkan kepada kes demi kes agar ianya lebih fokus dan tepat.<sup>102</sup>

Melalui perbincangan di atas, dapatlah di rumuskan bahawa setiap insan tidak boleh sama sekali melakukan kemudharatan atau kerosakan terhadap diri sendiri atau terhadap orang lain kecuali dalam hal-hal yang dibenarkan oleh syarak serta menghindarkan diri daripada sebarang bentuk kemudharatan. Dalam konteks makanan dan pemakanan misalnya, hindarkan diri daripada mengambil makanan yang boleh

---

<sup>101</sup>Hj. Muhammad bin Ali, Mudir dan Guru Pondok Berangan. Tumpat Kelantan, jawapan bertulis tarikh 13 Ogos 2009.

<sup>102</sup>Luqman bin Abdullah, Pensyarah Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam (API) Universiti Malaya merangkap Pengetua Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas Kelantan, temu bual pada 11 Mac 2009.

mendatangkan kemudaran, elakkan diri daripada pengambilan makan yang berlebihan dan daripada melakukan pembaziran. Mengamalkan pengambilan makanan seimbang sebagaimana yang disarankan oleh al-Quran dan al-Sunnah serta pakar pemakanan seperti yang terdapat dalam piramid makanan.<sup>103</sup> Seterusnya Islam menyarankan supaya menghindarkan kemudaran itu hendaklah bermula dari peringkat awal permulaanya sebagaimana kata pepatah “mencegah adalah lebih baik daripada merawat.”

Melalui perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa makanan segera yang disediakan di KFC seperti ayam goreng, burger dan kentang goreng mengandungi bahan tambahan atau aditif yang di benarkan dan bertepatan dengan peraturan yang termaktub dalam Akta Makanan dan Peraturan-peraturan 1985, justeru ia selamat untuk dimakan.

#### **4.5. HUKUM TERHADAP PENGAMBILAN MAKANAN SEGERA**

Berdasarkan kepada fakta-fakta yang telah dikumpulkan dan analisis yang dibuat dan apabila diaplikasikan dalam konteks pengambilan makanan segera (KFC), maka didapati produk yang dikeluarkan oleh KFC adalah seperti berikut:

- a) Terjamin halal kerana setiap produk yang dihasilkan melalui proses hukum yang ketat secara *internal* dan *external* dengan memperkenalkan polisi

---

<sup>103</sup>Piramid makanan merupakan panduan bagi memilih makanan secara sihat. Kumpulan makanan yang perlu diambil dengan jumlah yang banyak adalah terdiri daripada kumpulan makanan berada di bahagian paling bawah piramid iaitu bijirin, hasil bijirin dan ubi-ubian. Manakala kumpulan makanan di bahagian yang paling atas iaitu lemak, minyak dan gula perlu dikurangkan. Lihat [http //www,nutrition.moh.gov.my/nutrition/pdf/risalah/piramid makan.pdf](http://www.nutrition.moh.gov.my/nutrition/pdf/risalah/piramid_makan.pdf), 29 Oktober 2009.



halal serta mengujudkan panel penasihat syariah bagi mengawal selia setiap produk yang dikeluarkan.<sup>104</sup>

b) Tiada elemen-elemen syubhah dari sudut bahan iaitu sama ada bahan mentah, bahan tambahan, bahan tambahan yang bersumberkan bahan asas atau dengan menggabungkan di antara keduanya. Sama ada sumber tersebut dari dalam atau luar negara. Begitu juga dengan penternakan sama ada penternakan milik KFCH atau penternakan kontrak,<sup>105</sup> kilang pemakanan, pembiakan, penetasan, pemprosesan<sup>106</sup> ternakan, penghantaran dan sehingga sampai ke meja hidangan.<sup>107</sup>

c) Tidak mengandungi najis seperti wine, alkohol, beer atau sesuatu yang diharamkan oleh syarak serta turut dibuktikan kebersihan dan kesuciannya melalui beberapa anugerah yang diterima di peringkat dalam dan luar negara.<sup>108</sup>

d) Tidak berbahaya atau mendatangkan kemudaratan terhadap kesihatan. Ini berpandukan kepada maklumat pemakanan bagi setiap produk keluaran KFC<sup>109</sup> antaranya adalah seperti dalam jadual kandungan nutrisi makanan seperti di bawah ini.

---

<sup>104</sup>Lihat bab 3, h. 192-194.

<sup>105</sup>Telah menerima anugerah dan Pencapaian Ladang Ternakan Ayam Terbaik tahun 2001 daripada Anugerah Industri Ternakan Malaysia.

<sup>106</sup>Telah menerima anugerah dan Pencapaian Pemprosesan Daging Ternakan Terbaik Malaysia tahun 2007 daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Malaysia, anugerah Kilang Memproses Ayam Terbesar tahun 2003 daripada Malaysia Book of Record dan anugerah Pengilang Daging Terbaik tahun 2001 daripada Anugerah Industri Ternakan Malaysia.

<sup>107</sup>Lihat bab 3, h. 204-206, Anugerah dan pencapaian, antaranya menerima anugerah Restoran Cemerlang tahun 2004 daripada 2004 Yum! Brands dan anugerah Perkhidmatan Ruang Niaga Terbaik tahun 2007 daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia.

<sup>108</sup>*Ibid.*, Polisi halal h. 191-192.

<sup>109</sup>Lihat bab dua, kandungan nutrisi dalam makanan segera, h.129-133. Lihat juga Katalog Panduan Pemakanan KFC dan lampiran 1, h. 307.

Ayam Original Recipe	Kandungan	%RNI
Tenaga (kcl)	160	8
Karbohidrat (gm)	7	2
Protein (g)	16	28
Lemak (g)	8	14
Garam (g)	0.03	6

O.R Fillet Burger 1 hidangan (5 gm)	Kandungan	%RNI
	n	
Tenaga (kcl)	340	16
Karbohidrat (gm)	30	10
Protein (g)	14	25
Lemak (g)	18	31
Garam (g)	1.95	16

Kentang Goreng 1 hidangan biasa (95 gm)	Kandungan	%RNI
	n	
Tenaga (kcl)	190	9
Karbohidrat (gm)	25	9
Protein (g)	2	4
Lemak (g)	9	15
Garam (g)	0.16	3

Catatan: RNI (Recommended Nutrients Intake) adalah peratus nutrient harian yang dicadangkan untuk orang dewasa berumur 19-65 (2130kcal) dengan merujuk Kepada Saranan Pengambilan nutrient Malaysia (2005).

Kiraan nilai pemakanan adalah berdasarkan bahagian yang boleh dimakan dan berat hidangan adalah dalam kadar anggaran. Manakala panduan kandungan nutrisi di atas adalah merupakan pindaan yang dibuat pada April 2009.

Jawatankuasa Pakar WHO bagi pencegah penyakit jantung koronari (1982) mencadangkan agar orang ramai mengambil tidak lebih daripada 6g garam sehari. Garam dan natrium klorida mengandungi hampir separuh natrium (40%). Sumber: Panduan Diet Malaysia 1999.

Melalui maklumat di atas, dapatlah disimpulkan bahawa makanan segera yang disediakan di restoran-restoran KFC tidak berbahaya atau mendatangkan kemudaratan terhadap kesihatan jika diambil mengikut peratus nutrient harian yang dicadangkan. Namun begitu, tidak dapat dinafikan terdapat kebarangkalian berlakunya kemudaratan<sup>110</sup> akibat daripada pengambilan makanan segera. Dalam konteks ini, jika berhimpun antara masalah dan kerosakan (اجْتِمَاعُ الْمَصَالِحِ مَعَ الْمَقَابِدِ) sekiranya masalah dapat dilaksanakan dan dalam masa yang sama kemudaratan dapat dihindarkan. Maka perbuatan tersebut dibenarkan oleh syarak melakukannya, sebagaimana firman Allah SWT:

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ

“Oleh itu bertakwalah kamu kepada Allah sedaya upaya kamu..”

Surah at-Tagabun (64): 16

Sebaliknya jika kemudaratan atau kerosakan lebih besar daripada *masalah*, maka kemudaratan atau kerosakan perlu dihindarkan. Firman Allah SWT:

---

<sup>110</sup>Menurut Khalif Muammar A. Haris, kemudaratan bukan dilihat dari aspek masa sama ada jangka pendek atau panjang tetapi perlu lihat dari sudut kandungan nutrisi makanan itu sendiri, jika makanan itu mengandungi terlalu tinggi kandungan lemak dan gula, kemudian jika seseorang itu kita mengabilnya setiap hari ia akan mendatangkan kemudaratan dan apabila ianya sengaja dilakukan maka ketika itu ia menjadi haram. Temu bual dengan Khalif Muammar A. Haris, tarikh 13 Januari 2009.

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَافِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا

*Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: “Pada keduanya ada dosa besar dan pula beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya”*

Surah al-Baqarah (2): 219

Memandangkan kerosakan kedua-dua perbuatan tersebut lebih besar dari manfaatnya, maka syarak mengharamkannya walaupun terdapat faedah seperti keuntungan, bidang pekerjaan dan cukai perniagaan. Begitu juga dengan faedah berjudi, keuntungan yang diperolehi oleh pemainnya tidak dikira oleh syarak kerana kesemuanya itu memandangkan kemudatan yang besar jika dibandingkan dengan faedah yang sedikit. Akan tetapi sekiranya masalah lebih banyak atau lebih besar daripada kemudatan atau kerosakan dan jika kedua-duanya sama-sama berat, maka dalam situasi bergini dikira haram.<sup>111</sup>

Berdasarkan kepada fakta-fakta di atas, apabila diaplikasikan kepada makanan segera (KFC), ternyata bahawa kewujudan industri makanan segera lebih banyak menyumbang kepada kebaikan daripada keburukan, apatah lagi dalam konteks kehidupan masyarakat masa kini. Perkara ini seiring dengan kaedah fiqh “Hukum itu mengikut maslahat yang kuat” (أَلْحُكْمُ يَتَّبِعُ الْمَصْلَحَةَ الرَّجْحَةَ ۝).<sup>112</sup>

<sup>111</sup>Izz al-Din ‘Abd al-Salam (1968), *op.cit.*, jil.1, h. 98-99.

<sup>112</sup>Al-Imam Ibn Taimiyyah (t.t), *Qa’idah Jalilah Fi al-Tawassul wa al-wasilah*, Risalah Ma’arijul Usul, h. 75.

Melalui perbincangan di atas, dapat difahami bahawa setiap urusan dalam semua aspek kehidupan yang mengandungi sedikit kemudaratannya adalah harus kerana maslahatnya lebih kuat dari mafsadahnya, maka syarak tidak menghalang seseorang itu melakukannya.

Daripada fakta-fakta yang telah dikemukakan di atas, hukum pengambilan makanan segera (KFC) adalah halal dan memiliki ciri-ciri *halalan tayyiban*. Ini kerana, berdasarkan kepada cara-cara penyediaan, pemprosesan, penghantaran dan hidangan didapati ianya bertepatan dengan kaedah-kaedah syarak sepertimana yang telah dinyatakan di dalam al-Quran, al-Sunnah, kaedah-kaedah fiqh serta pandangan para ulama dalam mengistinbat hukum pengambilan makanan segera.